

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)20

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

20. Terdapat program Kerajaan Negeri tidak melibatkan ADUN pembangkang.
- (a) Apakah prosedur operasi standard (SOP) dalam menentukan setiap jemputan tersebut?
 - (b) Senaraikan jenis-jenis majlis yang tidak menjemput ADUN pembangkang dan berikan sebab-sebabnya.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. (a) Setiap tahun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menganjurkan Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Negeri seperti yang telah dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pulau Pinang.

Bagi semua Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Negeri, jemputan akan turut dipanjangkan kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara dan Ketua Jabatan Negeri serta Persekutuan. Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan dan sentiasa menjemput semua YB ADUN pembangkang untuk

menghadiri Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Negeri. Senarai Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Negeri adalah seperti di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

- (b) Bagi Majlis Rasmi Kerajaan Negeri seperti yang dianjurkan oleh Jabatan dan Agensi, jemputan kepada semua YB Ahli Dewan Undangan Negeri Pembangkang adalah tertakluk kepada kesesuaian dan keperluan majlis tersebut. Contohnya :

Majlis	Jemputan	Justifikasi Tidak Menjemput Adun Pembangkang
Majlis Penyerahan Watikah Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Penggal 2024 hingga 2028 bagi Daerah Pulau dan Seberang Perai	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri Kerajaan dan Pegawai Penyelaras KADUN	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) merupakan salah satu organisasi komuniti penduduk di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri dan dibantu oleh ADUN Kerajaan serta Pegawai Penyelaras KADUN